

KOSMUN 29/5/2023 M/S: 6

Kos operasi masyair kekal tiga tahun

MEKAH – Kos operasi masyair di Arafah, Muzdalifah dan Mina kekal selama tiga tahun sehingga 2025 selepas Tabung Haji memeterai perjanjian dengan Syarikat Masyariq Holdings bagi meringankan beban jemaah haji Malaysia.

Ketua Rombongan Haji, Datuk Seri Syed Saleh Syed Abdul Rahman berkata, perjanjian itu ditandatangani tahun ini bagi mengawal kenaikan kos melibatkan pengangkutan, penginapan dan sajian makanan ketika kemuncak haji.

“Ia tidak bermakna kos keseluruhan haji akan kekal seperti tahun ini kerana ia melibatkan

pelbagai elemen lain seperti hotel, penerbangan, bayaran wajib kepada kerajaan Arab Saudi dan pengangkutan di luar tempoh operasi masyair.

“Ia melibatkan keselesaan di khemah di Rafah dan Mina, kemudahan tandas, kualiti sajian makanan, kelancaran pergerakan bas, waktu melontar dan lain-lain perkhidmatan.

“Perjanjian ini membuktikan kerjasama erat antara TH dan syarikat Masyariq yang telah terjalin sejak sekian lama dan bagi melancarkan operasi dan kesejahteraan jemaah haji dari segi kos,” katanya pada sidang akhbar di sini semalam.



PENGERUSI Kumpulan Masyariq Arab Saudi, Adnan Hussain Mandourah (dua dari kanan) menyerahkan cenderahati berupa replika kaabah kepada Syed Saleh (dua dari kiri) di Mekah semalam.